

14.2.2026
Siaran Media

PBAPP RAIH 2 ANUGERAH DARIPADA RAM RATINGS BAGI PROGRAM SUKUK

- **“Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) RM5.0 bilion”**
- **“Penarafan Kewangan Mampan Second Party Opinion” – Emas”**

PULAU PINANG, Sabtu, 14.2.2026: PBAPP baru-baru ini meraih dua (2) anugerah daripada RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings) berhubung Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) RM5.0 bilion yang dilancarkan pada tahun lalu.

Dalam surat tahniahnya, Ketua Pegawai Eksekutif RAM Ratings, Julie Ng berkata: “Bagi pihak RAM Ratings, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kami menyampaikan *RAM Blueprint Awards 2025* kepada PBAPP. Anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan penerbitan Program IMTN RM5.0 bilion yang diberi penarafan oleh RAM dengan penarafan awal AAA/Stable serta Penarafan Kewangan Mampan bertaraf Emas.”

Ketua Divisyen Hal Ehwal Korporat PBAPP, Puan Joyce Lee, telah menerima anugerah tersebut bagi pihak PBAPP di Kuala Lumpur pada 11.2.2026.

RAM Ratings yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia merupakan agensi penarafan kredit bebas terbesar dan terkemuka di Malaysia serta Asia Tenggara. RAM Ratings juga merupakan agensi terkemuka dunia bagi penarafan sekuriti yang diterbitkan berasaskan prinsip Islam atau sukur.

Pada Julai 2025, Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow telah menyaksikan majlis pelancaran program IMTN sulung PBAPP yang mematuhi struktur sukur wakalah.

Program IMTN RM5.0 bilion ini telah menerima penarafan “AAA/Stable” daripada RAM Ratings. Ia merupakan penarafan terbaik dan tertinggi yang boleh diberikan bagi sesuatu program sukur.

Hasil daripada program sukur PBAPP akan digunakan untuk:

- Membiayai projek-projek di bawah Pelan Kontingensi Air Pulau Pinang 2030 (WCP 2030);
- Menyediakan perbelanjaan modal (CAPEX) dan perbelanjaan operasi (OPEX) yang lebih menyeluruh; dan
- Membiayai inisiatif hijau dan sosial di bawah kerangka kewangan mampan

“bertaraf emas”.

Dengan pelancaran program sukuk ini, PBAPP muncul sebagai syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC Negeri) yang pertama mengumpul pembiayaan jangka sederhana hingga panjang melalui kaedah yang mampan dan berskala.

Kami amat berterima kasih atas penarafan terbaik yang diberikan kepada program sukuk kami serta dua *RAM Blueprint Awards 2025*. Pengiktirafan daripada RAM Ratings ini sememangnya merupakan satu sokongan dan pengesahan yang amat kukuh terhadap keupayaan serta kredibiliti PBAPP.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my



11.2.2026 | RAM BLUEPRINT AWARDS 2025

PBAPP's head of Corporate Affairs Division, Madam Joyce Lee (centre) and the PBAPP team receiving the awards.

© PBAPP 2026